

CNS5871

U GB 09-07 00215 BA004

aab

KESATUAN SEKERJA BARAT BERUSAHA-GUGAT KESTABILAN MALAYSIA, KATA PM
Mahathir - Kelebihan

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran tentang usaha kesatuan sekerja di negara-negara maju untuk menggugat kestabilan Malaysia d'engan menghapuskan satu-satunya kelebihan yang dipunyainya kini dalam persaingan dengan negara-negara perindustrian iaitu kos buruh dan sara hidup yang rendah.

Beliau lalumeri amaran bahawa jika usaha itu berjaya dan Malaysia kehilangan kelebihan itu, maka ia akan terus menjadi sebuah negara membangun yang miskin.

Dalam satu rencana yang ditulis untuk akhbar kumpulan New Straits Times yang disiarkan hari ini, Dr Mahathir meminta pekerja dan pemimpin kesatuan sekerja di negara membangun supaya berfikir dua kali apabila rakan mereka dari negara maju yang kaya menyuarakan kebimbangan dan menunjukkan simpati terhadap mereka.

Seperti yang ditulisnya: +Apabila pesaing kita tiba-tiba menyokong kita, ada sebab bagi kita untuk menaruh syak. Seperti barangan keluaran kita bersaing dengan barang keluaran mereka, pekerja di negara membangun patut sedar bahawa mereka juga bersaing dengan pekerja di negara maju.+
Katanya ada banyak tanda bahawa negara maju tidak akan membenarkan Malaysia mencapai pertumbuhan tanpa gangguan kerana ia kini menjadi tumpuan sebagai satu negara yang paling pesat membangun di dunia. -- Lagi.

▼09/07/14-24MST

CNS5889

U GB 09-07 00225 BA005

aab

Mahathir - Kelebihan 2 Kuala Lumpur

Para pemimpin kesatuan sekerja di negara maju menggunakan pertumbuhan-pertumbuhan buruh antarabangsa untuk mempengaruhi pemimpin kesatuan sekerja negara membangun, dengan menggunakan prinsip-prinsip kebebasan berpersatuan serta hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan dan mengambil tindakan perusahaan.

Tetapi menurut Dr Mahathir, ini semata-mata untuk mendapatkan sokongan moral yang menghalalkan matlamat mereka -- menghalang negara membangun daripada bersaing dengan mereka.

Disebabkan itu mereka berkata bahawa persaingan mestilah adil dan mendakwa kononnya negara membangun bersaing secara tidak adil kerana membayar upah yang tidak berpatutan kepada pekerja-pekerja. Tetapi mereka lupa yang negara membangun terpaksa membayar kepada negara maju untuk mendapatkan teknologi, kepakaran pengurusan dan kos modal. Ini menyebabkan negara membangun kurang kelebihan apabila bersaing dengan negara maju.

+Adakah bayaran upah atau gaji di negara membangun benar-benar rendah?+ tanya Dr Mahathir.

Beliau berkata bayaran upah atau apa-apa perolehan pendapat akan hanya bermakna apabila kuasa pembeliannya diamidil kira. Jumlah wang sebenarnya tidak membawa apa-apa erti jika apa yang dapat dibeli oleh pekerja dengan wang itu adalah kurang daripada apa yang dapat dibeli oleh pekerja di negara-negara lain.

Walaupun nilai seringggit Malaysia adalah 2/5 nilai sedolar Amerika Syarikat atau 40 sen duit negara berkenaan berasaskan kadar pertukaran sekarang, tetapi di segi kuasa belian, kedua-dua matawang itu mempunyai nilai yang kira-kira sama, katanya. -- Lagi.

▼09/07/14-48MST

CNS5871

U GB 09-07 00215 BA004

aab

KESATUAN SEKERJA BARAT BERUSAHA-GUGAT KESTABILAN MALAYSIA, KATA PM
Mahathir - Kelebihan

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran tentang usaha kesatuan sekerja di negara-negara maju untuk menggugat kestabilan Malaysia d'engan menghapuskan satu-satunya kelebihan yang dipunyainya kini dalam persaingan dengan negara-negara perindustrian iaitu kos buruh dan sara hidup yang rendah.

Beliau lalumeri amaran bahawa jika usaha itu berjaya dan Malaysia kehilangan kelebihan itu, maka ia akan terus menjadi sebuah negara membangun yang miskin.

Dalam satu rencana yang ditulis untuk akhbar kumpulan New Straits Times yang disiarkan hari ini, Dr Mahathir meminta pekerja dan pemimpin kesatuan sekerja di negara membangun supaya berfikir dua kali apabila rakan mereka dari negara maju yang kaya menyuarakan kebimbangan dan menunjukkan simpati terhadap mereka.

Seperti yang ditulisnya: +Apabila pesaing kita tiba-tiba menyokong kita, ada sebab bagi kita untuk menaruh syak. Seperti barangan keluaran kita bersaing dengan barang keluaran mereka, pekerja di negara membangun patut sedar bahawa mereka juga bersaing dengan pekerja di negara maju.+
Katanya ada banyak tanda bahawa negara maju tidak akan membenarkan Malaysia mencapai pertumbuhan tanpa gangguan kerana ia kini menjadi tumpuan sebagai satu negara yang paling pesat membangun di dunia. -- Lagi.

▼09/07/14-24MST

CNS5889

U GB 09-07 00225 BA005

aab

Mahathir - Kelebihan 2 Kuala Lumpur

Para pemimpin kesatuan sekerja di negara maju menggunakan pertumbuhan-pertumbuhan buruh antarabangsa untuk mempengaruhi pemimpin kesatuan sekerja negara membangun, dengan menggunakan prinsip-prinsip kebebasan berpersatuan serta hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan dan mengambil tindakan perusahaan.

Tetapi menurut Dr Mahathir, ini semata-mata untuk mendapatkan sokongan moral yang menghalalkan matlamat mereka -- menghalang negara membangun daripada bersaing dengan mereka.

Disebabkan itu mereka berkata bahawa persaingan mestilah adil dan mendakwa kononnya negara membangun bersaing secara tidak adil kerana membayar upah yang tidak berpatutan kepada pekerja-pekerja. Tetapi mereka lupa yang negara membangun terpaksa membayar kepada negara maju untuk mendapatkan teknologi, kepakaran pengurusan dan kos modal. Ini menyebabkan negara membangun kurang kelebihan apabila bersaing dengan negara maju.

+Adakah bayaran upah atau gaji di negara membangun benar-benar rendah?+ tanya Dr Mahathir.

Beliau berkata bayaran upah atau apa-apa perolehan pendapat akan hanya bermakna apabila kuasa pembelannya diamidil kira. Jumlah wang sebenarnya tidak membawa apa-apa erti jika apa yang dapat dibeli oleh pekerja dengan wang itu adalah kurang daripada apa yang dapat dibeli oleh pekerja di negara-negara lain.

Walaupun nilai seringggit Malaysia adalah 2/5 nilai sedolar Amerika Syarikat atau 40 sen duit negara berkenaan berasaskan kadar pertukaran sekarang, tetapi di segi kuasa belian, kedua-dua matawang itu mempunyai nilai yang kira-kira sama, katanya. -- Lagi.

▼09/07/14-48MST

aab

Mahathir - Kelebihan 3 Kuala Lumpur

+Satu dolar Amerika boleh membeli satu burger yang sama saiznya dengan burger yang dijual pada harga seringgat Malaysia. Nisbah yang sama juga boleh diperolehi jika barangan lain, bahan makanan dan tempat penginapan dibandingkan. +

Seorang pekerja di Malaysia yang berpendapatan \$500 sebulan boleh hidup sama selesa seperti seorang pekerja di Amerika yang memperoleh ASS500 sebulan. Yang sebenarnya seorang pekerja yang berpendapatan ASS500 sebulan di Amerika adalah lebih miskin berbanding pekerja Malaysia yang berpendapatan \$500 sebulan.

Juga bagi eksekutif Malaysia yang memperoleh gaji yang sama seperti eksekutif Amerika, tetapi dibayar dalam matawang masing-masing, kuasa membeli mereka adalah sama jika mereka tinggal dan membelanjakan pendapatan mereka di negara masing-masing. Hanya jika eksekutif Malaysia berkenaan berhijrah ke Amerika ia akan merasakan dirinya miskin seperti juga eksekutif Amerika yang melawat Malaysia yang akan merasakan dirinya kaya.

Katanya kos hidup di Malaysia adalah kira-kira satu pertiga daripada kebanyakan negara maju tetapi jika upah di Malaysia sama dengan upah di negara maju di segi nilai tukaran, maka ini akan menyebabkan pekerja Malaysia memperoleh gaji yang lebih tinggi di segi kuasa belian.

Malangnya, kekayaan ini tidak akan kekal kerana bayaran upah yang tinggi akan menyebabkan inflasi yang akan mengurangkan kuasa belian pekerja Malaysia.

Akhirnya walaupun bayaran upah tinggi, kuasa belian tetap sama seperti sebelumnya atau mungkin lebih rendah. -- Lagi..

▼09/07/14-57MST

CNS5930

U GB 09-07 00205 BA015

aab

Mahathir - Kelebihan 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata tanpa mempunyai apa-apa kelebihan perbandingan, tidak akan ada pelaburan asing atau tempatan di negara membangun dengan itu ia tidak akan berupaya menjadi negara perindustrian dan terpaksa bergantung kepada pengeluaran komoditi yang menyediakan peluang pekerjaan yang sedikit.

+Inilah matlamat sebenar negara maju, pekerja dan kesatuan sekerja mereka. Mereka tahu dengan memaksa peningkatan bayaran upah di negara membangun, mereka akan dapat menghapuskan ancaman hasil proses perindustrian negara-negara ini terhadap cara hidup mereka. +

Sudah pasti kesatuan sekerja di negara maju tidak akan membenarkan sebuah lagi negara mengancam pekerjaan dan gaya hidup mereka yang selesa, katanya.

Rakyat Malaysia tidak seharusnya menganggap yang mereka akan menghadapi laluan yang mudah. Oleh itu adalah lebih baik bagi mereka sentiasa bersedia dan berhati-hati, tambahnya.

Tetapi, kata Dr Mahathir, pekerja mestilah dibayar apa yang sepatutnya diterima mereka dan upah mereka patut meningkat jika produktiviti bertambah.

+Kesatuan sekerja mereka patut melindungi mereka. Kerajaan juga perlu melindungi mereka, + katanya.

Beliau mengakhiri rancangannya dengan mengulangi; +Kelebihan kita ialah kos buruh dan sara hidup yang rendah. Jika ini dihapuskan, maka tiada apa-apa kelebihan bagi kita dan kita akan terus miskin. + -- Bernama. :

▼09/07/15-31MST